# UCTC UPM berkolaborasi tingkat kemahiran vokasional tenaga pengajar AADK



Oleh: Nafisah Awang

SERDANG, 30 Ogos – Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) membantu meningkatkan kemahiran vokasional tenaga pengajar Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) melalui kursus pembangunan kemahiran.

LIHAT JUGA



'Pembelajaran-berasaskan perkhidmatan' cara inovatif pastikan keberkesanan pengajaran (/berita /pembelajaran_berasaskan_perkhidmatan_cara_inovatif_pastikan_keberkesanan_pengajaran-53531)



Bulan Keusahawanan Siswa terap budaya usahawan pelajar (/berita /bulan_keusahawanan_siswa_terap_budaya_usahawan_pelajar-53487)



Tengku Permaisuri Norashikin lancar buku berkaitan pesakit kanser (/berita /tengku_permaisuri_norashikin_lancar_buku_berkaitan_pesakit_kanser-53463)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1572496360

Jaringan dan kolaborasi UCTC, UPM dan AADK buat pertama kalinya itu memfokuskan latihan teknikal dalam bidang pertanian dan penghasilan mee.

Kursus empat hari itu yang bertemakan 'Tanam Sayur Jauhi Dadah' diadakan di UPM dan disertai 24 staf AADK dari beberapa Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN).

Pengarah UCTC, Prof. Dr. Mansor Abu Talib, berkata program itu merupakan satu usaha ke arah memantapkan kemahiran seterusnya memastikan teknik pengajaran yang betul dapat disampaikan kepada klien.



Kursus itu memasukkan elemen membentuk agen perubahan yang berkesan melalui teknik "learning outcome" yang disampaikan Prof. Dr. Mansor dan Timbalan Pengarah UCTC, Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Osman.

Perkongsian itu mengambilkira hasil kajian dan analisis holistik yang dijalankan oleh UPM.

Keseluruhan kursus dikendalikan secara amali, seperti bagi kursus penanaman sayuran, UPM menyediakan plot kosong untuk peserta menanam dari peringkat awal sehingga ke peringkat penuaian.

Pendekatan secara amali itu lebih menarik minat peserta mendalami ilmu yang dipelajari, tidak cepat bosan dan dapat merasai pengalaman sebenar bersama klien menggunakan teknik tanaman yang betul.

Peserta diberi pendedahan tentang semaian biji benih, penyediaan batas tanaman, teknik pindah anak pokok, teknik semaian terus, pengairan, pembajaan serta pengurusan dan kawalan serangga perosak.



BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

B1572496360



BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Modul yang disediakan oleh UPM disuntik dengan elemen terapi pertanian supaya ia menjadi asas kepada peserta dan boleh menjadikan aktiviti ini sebagai terapi rawatan kepada pesakit untuk kembali pulih.

Selain topik utama iaitu pengurusan penanaman sayuran, pelbagai perkongsian topik menarik juga terkandung dalam kursus ini. Peserta turut diajar cara menyediakan *effective microorganism* (EM), pembuatan kompos dan pembiakbakaan buah-buahan.

Bagi teknik pembuatan kompos, dua teknik diperkenalkan iaitu kompos basah dan kering. Hasil kedua-dua kompos itu boleh dijadikan sebagai bahan media tanaman dan sumber baja tanaman. Untuk teknik pembiakbakaan buah-buahan pula, peserta mencuba sendiri membuat cantuman pokok durian selepas sesi demonstrasi teknik cantuman dan tut pokok durian.

Tenaga pengajar terdiri daripada staf Seksyen Sayuran, Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM dan pegawai pertanian daripada UCTC.

Kakitangan AADK turut memberi input dan berkongsi pengalaman menaman bersama klien di pusat pemulihan.

Aspek keusahawanan turut diselitkan bagi memastikan hasil pengeluaran sayuran dapat menjadi sumber pendapatan pusat.

Pegawai Pertanian, Nafisah Awang yang juga penyelaras program berkata, kursus itu bukan *one off* tetapi adalah program berterusan, dan UCTC, UPM mahu memastikan objektif program tercapai.

UCTC UPM akan membuat pemantauan ke atas PUSPEN yang terlibat dengan kursus penanaman sayuran dan penghasilan mee bagi membantu klien dan memastikan matlamat itu tercapai. - UPM

Tarikh Input: 21/10/2019 | Kemaskini: 21/10/2019 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F

%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fuctc_upm_berkolaborasi_tingkat_kemahiran_vokasional_tenaga_pengajar_aadk-53353&
title=UCTC%20UPM%20Berkolaborasi%20Tingkat%20Kemahiran%20Vokasional%20Tenaga%20Pengajar%20AADK%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

B1572496360

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

BM

## HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

## PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

## PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

## PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)
(https://play.google.com/store/apps/details?id=upm.mobile.v6) (http://www.pertanika.upm.edu.my)
(http://www.learninghub.upm.edu.my) (http://www.psasir.upm.edu.my/)
(https://smp.upm.edu.my) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/) (http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2019 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1572496360